

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI (DUNGUN)**

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN) minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah langkah segera kementerian dalam menangani konflik antara manusia dengan hidupan liar khususnya harimau kerana kebelakangan ini 'Pak Belang' semakin kerap muncul berkeliaran di Dungun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sentiasa mengambil serius konflik antara manusia dengan hidupan liar khususnya harimau.

2. Antara langkah-langkah segera yang dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN dalam menangani konflik manusia dan harimau di daerah Dungun adalah seperti:

- (i) menempatkan lima (5) orang kakitangan PERHILITAN Daerah Dungun dan dibantu oleh 13 orang Renjer Hidupan Liar di bawah Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (*Biodiversity Protection and Patrolling Programme* - BP3) yang membuat rondaan pemantauan dan siasatan di lokasi aduan;
- (ii) memasang sebanyak dua (2) unit perangkap kamera di sekitar kawasan Bukit Bauk yang juga merupakan salah satu kawasan tumpuan rekreasi orang awam bagi memantau kehadiran Harimau Malaya di kawasan konflik serta menambah sebanyak 20 unit lagi perangkap kamera di kawasan sekitar sebagai langkah pemantauan jangka panjang;
- (iii) memasang dua (2) unit perangkap harimau di dalam kawasan ladang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Hulu Paka, Terengganu;
- (iv) bekerjasama dengan pihak pengurusan dan pekerja ladang MPOB untuk melaporkan kepada Jabatan PERHILITAN sekiranya ternampak kelibat harimau di kawasan tersebut; dan

SOALAN NO : 1

- (v) memberi khidmat nasihat kepada penduduk kampung dan pekerja ladang terlibat supaya sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga serta tidak bertindak sendiri dalam menangani konflik harimau di kawasan ini.

Sekian, terima kasih.